

**SOALAN NO. 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah wanita di Negara ini yang tidak dapat melahirkan zuriat dan langkah yang diambil bagi membantu golongan ini.; dan
- (b) tatacara untuk mengambil anak angkat dan jumlah kelahiran luar nikah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT, MALAYSIA**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa tiada statistik rasmi berkaitan bilangan wanita di negara ini yang tidak dapat melahirkan zuriat. Walau bagaimanapun, melalui penemuan awal Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPBM-5) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014, didapati sebanyak 8.4 peratus daripada wanita pernah berkahwin berumur antara 15 hingga 49 tahun yang ditemui bual dalam kajian ini tidak pernah melahirkan anak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyedari bahawa anak merupakan insan terpenting dalam kehidupan setiap pasangan. Di antara langkah yang telah diambil bagi membantu pasangan sukar mendapat zuriat adalah dengan menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan yang boleh

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan mempunyai tiga (3) buah Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS) di Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman yang menempatkan Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan.

Bagi daerah Setiu, terdapat lima (5) agensi Kerajaan Persekutuan, seperti berikut:

1. Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)
2. Mahkamah Majistret Daerah Setiu
3. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Setiu
4. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
5. Pejabat RELA Daerah Setiu

Kelima-lima agensi ini kini menyewa di premis swasta, dengan jumlah kos sewaan yang terlibat adalah sebanyak RM70,200.00 setahun.

Selain itu, terdapat Klinik Kesihatan dan Balai Polis yang ditempatkan di kawasan strategik mengikut perancangan kementerian-kementerian berkaitan.

Buat masa ini, Jabatan Perdana Menteri mendapati tiada keperluan mendesak untuk pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan di daerah

Setiu kerana bilangan Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan yang kecil dan kos sewaan yang rendah berbanding kos pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan yang dijangka melibatkan kos yang jauh lebih tinggi.

Sekian. Terima kasih.

<b>Subsidi</b>	<b>Beras</b>	<b>Benih</b>	<b>Baja</b>	
Jenis Subsidi	Subsidi Harga Beras (ST15%)	Skim Insentif Benih Padi Sah	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) – Baja NPK Tambahan, Baja Tambahan, Kapur & Racun	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) – Baja Urea & Baja Sebatian
Bil. Syarikat Pembekal / Pengeluar	896	9	8	1 (NAFAS)

Bagi memastikan bantuan tersebut sampai kepada penerima, ia melibatkan peranan daripada pelbagai pihak. Selain peranan Kementerian sebagai pemegang dasar, pelbagai agensi telah dilantik sebagai agensi pelaksana kepada bantuan-bantuan yang diberikan ini. Agensi ini berperanan dan bertanggungjawab secara langsung bagi menguruskan bantuan-bantuan yang diberikan ini di samping memberikan sokongan bagi setiap program yang dirancang oleh Kerajaan.

Selain itu, mekanisme pemantauan dan pelaksanaan turut diperkuuhkan menerusi penubuhan jawatankuasa yang terlibat, *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi pelaksanaan program, laporan berkala, saluran aduan dan sebagainya bagi memastikan bantuan yang diberikan sampai kepada golongan sasaran.